

Estetik Taqdim dan Ta'khir dalam Surah al-Baqarah

BITARAVolume 2, Issue 3, 2019: 085-092
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Nur Shahirah Zolkanain¹ & Md Nor Abdullah¹

Abstrak

Taqdim dan *ta'khir* merupakan antara gaya bahasa dalam ayat al-Qur'an yang memiliki keistimewaan, keindahan makna dan mampu mempengaruhi hati si pembaca mahupun si pendengar. Kajian gaya bahasa dalam al-Qur'an telah banyak dijalankan oleh para sarjana, namun kajian ini bertujuan untuk menyerlahkan lagi estetik gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* yang terkandung dalam ayat al-Qur'an. Hasil penelitian kajian terdahulu, tidak terdapat satu kajian secara komprehensif dan analisis secara terperinci penggunaan gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* dalam al-Qur'an. Oleh itu penulis terpanggil untuk mengisi kelompangan kajian ini kerana ia wajar diketengahkan. Kajian ini mengkaji gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* yang terkandung dalam ayat-ayat al-Qur'an khusus surah al-Baqarah berdasarkan beberapa peranan. Kajian telah menemukan sebanyak sepuluh peranan yang telah dimainkan oleh gaya bahasa ini akan tetapi artikel ini hanya akan memfokuskan kepada lima peranan sahaja iaitu pertama *al-Ahamm* (الأهم) yang bermaksud paling penting, kedua *al-Ihtimām* (الإهتمام) iaitu untuk perhatian, ketiga *al-Ikhtisās* (الإختصاص) iaitu pengkhususan, keempat *al-Sabq* (السبق) iaitu yang mendahului dan kelima *al-Sababiyyah* (السببية) iaitu menjadi sebab. Sebanyak dua sampel ayat *taqdim* dan *ta'khir* bagi setiap peranan dipilih untuk dianalisis. Kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati sampel ayat yang dikemukakan telah menyerlahkan rahsia dan tujuan semantik yang sangat istimewa. Selain itu, ia juga telah membuktikan kehebatan uslub al-Qur'an serta menyemarakkan kajian *i'jaz al-Qur'an* dari sudut gaya bahasa.

Kata Kunci

Taqdim, *ta'khir*, gaya bahasa, al-Qur'an

Cite This Article:

Nur Shahirah Zolkanain & Md Nor Abdullah. 2019. Estetik *taqdim* dan *ta'khir* dalam Surah al-Baqarah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 085-092.

Pengenalan

Kajian pentafsiran al-Qur'an melalui kaedah gaya bahasa telah banyak dijalankan oleh para sarjana semenjak dahulu sehinggalah hari ini. Hal ini sangat membantu dan memudahkan umat Islam dalam memahami al-Qur'an terutamanya bagi orang yang bukan Arab. Ini kerana al-Qur'an merupakan kitab suci yang menjadi sumber rujukan utama umat Islam serta mukjizat teragung yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kekasihnya junjungan besar nabi

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Md Nor Abdullah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: monab@ukm.edu.my

Muhammad SAW dan masih kekal sehingga hari ini. Kajian penafsiran al-Qur'an melalui gaya bahasa yang telah dijalankan oleh para sarjana terdahulu telah melahirkan beberapa kitab tafsir seperti *al-Kashshāf* karya al-Zamakhshari, *Tafsir al-Ṭabari* karya Ibn Jarīr al-Ṭabari dan *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'an* karya al-Suyūṭi.

Munculnya kajian tentang gaya bahasa al-Qur'an telah membuktikan bahawa gaya bahasa merupakan salah satu antara aspek kemukjizatan al-Qur'an yang mesti diperhatikan ketika mengkaji ayat al-Qur'an. Antara gaya bahasa tersebut adalah *taqdim* dan *ta'khir* yang merupakan cabang ilmu *ma'ani* dan telah banyak dibincangkan oleh para sarjana terdahulu sehingga kini. Antara mereka ialah al-Qazwinī (w. 379H), Abd al-Qāhir al-Jurjāni (w. 471H), al-Zarkashī (w.794H) dan al-Zamakhshari (583H).

Di samping itu, *taqdim* dan *ta'khir* juga merupakan antara gaya bahasa yang digunakan dengan meluas dalam al-Qur'an. *Taqdim* merupakan kata nama terbitan (*masdar*) daripada kata kerja *qaddama-yuqaddimu-taqdiiman* (قَدَّمَ – يَقْدِمُ – تَقْدِيمٌ) yang membawa maksud mendahulukan. Manakala *ta'khir* pula merupakan antonim bagi *taqdim* dan ia merupakan kata nama terbitan (*masdar*) daripada kata kerja *akhkhara-yuakhkhiru-ta'khiran* (أَخَّرَ – يَأْخُرُ – تَأْخِيرٌ) yang membawa maksud mengakhirkan. *Taqdim* dan *ta'khir* dalam al-Qur'an dapat diertikan sebagai adanya suatu perkataan ataupun ayat yang didahulukan atau diakhirkan dari tempat asal atas tujuan tertentu (Abd Karim Hafid, 2001). Menurut Ahmad Fajar Shodiq (2016), maksud *taqdim* dalam pengertian ilmu balaghah adalah mendahulukan kalimat yang dianggap penting atas sebab-sebab tertentu manakala *takhir* pula adalah mengakhirkan sesuatu kalimat kerana adanya faktor yang mendorong pengakhiran kalimat tersebut.

Artikel ini mengkaji gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* yang terkandung dalam ayat-ayat surah al-Baqarah berdasarkan lima peranan iaitu pertama *al-Ahamm* (الأهم) yang bermaksud paling penting, kedua *al-Ihtimām* (الإهتمام) iaitu untuk perhatian, ketiga *al-Ikhtisās* (الإختصاص) iaitu pengkhususan, keempat *al-Sabq* (السبق) iaitu yang mendahului dan kelima *al-Sababiyyah* (السببية) iaitu menjadi sebab. Sebanyak dua sampel ayat *taqdim* dan *ta'khir* bagi setiap peranan dipilih untuk dianalisis dan seterusnya merungkai rahsia makna implisit yang terkandung di sebalik gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* tersebut.

Keistimewaan gaya bahasa yang terkandung dalam ayat al-Qur'an merupakan salah satu daripada kemukjizatan al-Qur'an yang ditujukan kepada umat Islam. Hal ini mendorong rasa ingin tahu tentang kemukjizatan al-Qur'an melalui gaya bahasa dalam aspek balaghah al-Qur'an. Dalam hal ini penulis sangat tertarik untuk mengkaji rahsia di sebalik makna implisit beberapa ayat al-Qur'an surah al-Baqarah yang mengandungi gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir*.

Estetik *Taqdim* dan *Ta'khir* dalam Surah al-Baqarah

Para sarjana balaghah telah bersetakat bahawa perubahan kedudukan suatu kalimat yang melibatkan proses *taqdim* dan *ta'khir* pada mana-mana kalimat bahasa Arab seperti dalam ayat al-Qur'an mempunyai rahsia, tujuan serta faedah dari segi makna (semantik). Dalam al-Qur'an al-Karim, gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* mempunyai pelbagai peranan seperti *al-ahamm*, *al-ihitamam*, *al-ikhtisas*, *al-Sabq*, *al-sababiyyah*, *al-tafsil*, *al-tashrif*, *al-Qasr*, *al-ta'zim* dan *al-ta'kid*. Antara peranan yang dibincangkan dalam artikel ini adalah:

1. *al-Ahamm* (الأهم)

Peranan pertama ialah *al-ahamm* yang membawa maksud paling penting, seperti yang terdapat pada firman Allah SWT (2:3):

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ (3)

Maksudnya: Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Dalam ayat ini Allah SWT mendahulukan ayat beriman dengan perkara ghaib (*yu'minūna bi al-ghaīb*) ke atas ayat mendirikan solat (*yuqīmūna al-solāh*). Beriman dengan perkara ghaib dan juga mendirikan solat itu adalah dua perkara yang wajib bagi setiap hamba Allah. Akan tetapi dalam ayat ini beriman dengan perkara ghaib didahulukan sebelum ayat mendirikan solat kerana beriman dengan perkara ghaib itu adalah suatu perkara yang utama dan lebih penting untuk setiap hamba Allah tidak kira masa mahupun waktu, manakala solat pula wajib dilaksanakan pada lima waktu yang telah ditetapkan oleh syariat (Abu Hayyan, 1994).

Seterusnya Allah mendahulukan pula ayat mendirikan solat (*yuqīmūna al-solāh*) daripada ayat membelanjakan sebahagian rezeki dariNya (*razaqnāhum yunfiquna*). Hal ini kerana solat itu lebih penting dan ia wajib bagi setiap hamba Allah pada setiap lima waktu yang telah ditetapkan manakala mendermakan rezeki dari Allah itu dilaksanakan pada sebahagian waktu sahaja (Abu Hayyan, 1994). Ayat seterusnya pada firman Allah SWT (2:102):

وَاتَّبِعُوا مَا نُنزِلُ مِنَ السَّيِّئَاتِ عَلَىٰ مَلِكٍ سُلَيْمَانَ صَلَّىٰ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَٰكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ الْمَلَكِينَ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ ؕ إلى آخر الآية (102)

Maksudnya: Mereka (membelakangkan kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya), kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut.

Dalam ayat ini terkandungnya gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* pada potongan ayat (وما (كفر سليمان ولكن الشياطين كفروا) yang mana penafian kekufuran nabi Sulaiman (*wa mā kafara sulaimān*) didahulukan ke atas pembuktian kekufuran syaitan (*walākinna al-shayāṭīna kafarū*). Penafian kekufuran nabi Sulaiman didahulukan kerana ia teramatlah penting untuk memelihara serta mempertahankan integritinya sebagai seorang nabi (al-Dubl, 2010). Oleh itu menurut kajian, dalam ayat ini amat wajar dan sangat penting didahulukan penafian kekufuran nabi Sulaiman (*wa mā kafara sulaimān*) sebelum pembuktian kekufuran syaitan (*walākinna al-shayāṭīna kafarū*) kerana nabi itu merupakan sebaik-baik makhluk jika ingin dibandingkan dengan syaitan iaitu seburuk-buruk dan sekeji-keji makhluk.

2. *al-Ihtimām* (الاهتمام)

Peranan seterusnya ialah *al-ihtimām* iaitu untuk perhatian, seperti yang terdapat pada firman Allah SWT (2:3):

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ (3)

Maksudnya: Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Pada ayat ini, gaya bahasa *taqdīm ta'khīr* berlaku pada potongan ayat (ومِمَّا رزقناهم ينفقون) yang mana *maf'ul* (*wa mimmā razaqnāhum*) didahulukan ke atas *fi'l* (*yunfiqūna*). Allah mendahulukan *maf'ul* iaitu rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah ke atas *fi'lnya* iaitu membelanjakan rezeki dari Allah adalah bertujuan untuk memberi perhatian yang lebih ke atas *maf'ulnya* (al-Zamakhshārī, 2009). Di sini kajian mendapati bahawa Allah memberi perhatian yang lebih ke atas *maf'ul* adalah kerana rezeki yang telah dikurniakan olehNya amat penting serta digalakkan bagi seseorang hamba Allah itu untuk membelanjakan serta menggunakannya ke arah kebaikan. Ayat seterusnya pada firman Allah SWT (2:113):

فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ (113)

Maksudnya: Maka Allah akan menghukum (mengadili) di antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisihan padanya.

Dalam ayat ini, terkandungnya gaya bahasa *taqdīm* dan *ta'khīr* pada potongan ayat (فيه) يَخْتَلِفُونَ di mana *jār al-majrūr* (*fīhi*) didahulukan sebelum kalimat (*yakhtalifūn*). Menurut Ibn 'Ashūr (1984), didahulukan *jār al-majrūr* sebelum kalimat (*yakhtalifūn*) dalam ayat ini adalah untuk memberi perhatian. Ayat ini menceritakan tentang hari kiamat kelak yang mana Allah akan memutuskan hukum antara mereka melalui keputusanNya yang adil serta tidak ada kezaliman dan mereka tidak akan dizalimi sedikit pun (Ibn Kathīr, 2000). Ibn 'Ashur menyatakan bahawa Allah mendahulukan *jār al-majrūr* dalam ayat ini adalah untuk memberi perhatian mengenai apa yang mereka perselisihkan iaitu untuk perhatian pada kalimat (*yakhtalifūn*).

3. *al-Ikhtisās* (الإختصاص)

Peranan seterusnya ialah *al-ikhtisās* iaitu pengkhususan seperti yang terdapat pada firman Allah SWT (2:30):

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً صَلَى قَالُوا أَنْتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ صَلَى قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (30)

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya.”

Pada ayat ini berlakunya gaya bahasa *taqdīm* dan *ta'khīr* pada potongan ayat (ونحن نسبح بحمدك) yang mana *musnad ilaih* iaitu (*naḥnu*) didahulukan ke atas *khobar fi'li* (*nusabbiḥu*). Menurut Ibn Ashūr (1984), Allah mendahulukan *ḍamīr* (*naḥnu*) yang membawa maksud kami (para malaikat) ke atas *khobar fi'li* (*nusabbiḥu*) iaitu kata kerja bertasbih adalah atas tujuan pengkhususan. Sebelum Allah menjadikan khalifah di bumi ini, hanya para malaikat sahaja yang sentiasa bertasbih dengan memujiNya serta mensucikanNya. Oleh itu dalam hal ini Allah mengkhususkan para malaikat yang sentiasa bertasbih memujiNya dengan mendahulukan *musnad ilaih* (*naḥnu*) ke atas *khobar fi'li* (*nusabbiḥu*). Ayat seterusnya pada firman Allah SWT (2:40):

يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّايَ فَارْهَبُونِ (40)

Maksudnya: Wahai Bani Isra'el, kenangkanlah kamu akan segala ni'mat yang telah Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganKu, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain).

Pada ayat ini pula, berlakunya gaya bahasa *taqdīm* dan *ta'khīr* pada potongan ayat (وإيائي) yang mana didahulukan *maf'ul* iaitu *ḍamīr munfasil* (*wa iyyāya*) sebelum *fi'l* iaitu kata kerja (*farhabūn*). al-Zamakhshārī (2009) berpendapat bahawa Allah mendahulukan *maf'ul* daripada *fi'l* adalah atas tujuan pengkhususan iaitu mengkhususkan perasaan gerun dan takut itu hanyalah pada Allah SWT sahaja. Kajian mendapati bahawa perkataan asal bagi ayat ini ialah (*فارهبوني*) yang bermaksud takutilah aku yang mana *fi'l* terletak sebelum *maf'ul* akan tetapi pada ayat ini Allah ingin mengkhususkan perasaan takut dan gerun itu hanyalah pada diriNya sahaja dengan mendahulukan *maf'ul* ke atas *fi'l*.

4. *al-Sabq* (السبق)

Peranan seterusnya ialah *al-sabq* yang bermaksud mendahului. Contoh ayat dapat dilihat pada firman Allah SWT (2:62):

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّابِئِينَ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (62)

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yahudi, dan orang-orang nasaara (nasrani) dan orang-orang saabi'in, sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat serta beramal salih, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Dalam ayat ini, terkandungnya gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* pada kalimat (*al-Naṣara*) iaitu golongan Nasrani dan (*al-Sabi'in*) iaitu golongan Sabi'in yang mana kalimat (*al-Naṣara*) didahulukan sebelum (*al-Sabi'in*). Menurut al-Karmāni (1988), beliau menyatakan bahawa Allah mendahulukan (*al-Naṣara*) kerana golongan Nasrani mendahului lebih tinggi darjatnya dari golongan Sabi'in (*al-Sabi'in*). Oleh itu, kalimat (*al-Naṣara*) didahulukan ke atas (*al-Sabi'in*) kerana susunan bagi kedua-dua kalimat tersebut pada ayat ini disusun mengikut ketinggian darjat. Ayat seterusnya pada firman Allah SWT (2:97):

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ (97)

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Qur'an ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman.

Dalam ayat ini terkandungnya gaya bahasa *taqdim ta'khir* pada potongan ayat (وهدى وبشرى) yang mana perkataan (*hudā*) didahulukan sebelum (*bushrā*). Menurut al-Rāzī (1981) didahulukan (*hudā*) iaitu petunjuk sebelum (*bushrā*) iaitu khabar gembira adalah kerana petunjuk itu hadir dahulu sebelum munculnya berita gembira. Menurut kajian, petunjuk yang dimaksudkan di sini ialah kitab al-Qur'an iaitu kitab yang menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa. Dalam hal ini al-Rāzī menyebut bahawa kitab al-Qur'an meliputi dua perkara, pertama al-Qur'an menjelaskan tentang amalan hati dan juga fizikal dan yang kedua al-Qur'an menerangkan pahala dan ganjaran bagi amalan itu yang mana ia dianggap sebagai khabar gembira (*bushrā*). Oleh itu wajarlah didahulukan (*hudā*) ke atas (*bushrā*).

5. *al-Sababiyyah* (السببية)

Peranan seterusnya ialah *al-sababiyyah* iaitu menjadi sebab yang mana suatu ayat itu didahulukan atas sebab sesuatu. Contoh ayat dapat dilihat pada firman Allah SWT (2:98):

مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ (98)

Maksudnya: Sesiapa memusuhi Allah (dengan mengingkari segala petunjuk dan perintahNya) dan memusuhi Malaikat-malaikatNya dan Rasul-rasulNya, khasnya

malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan diseksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir.

Allah SWT memberitahu melalui ayat ini bahawa sesiapa sahaja yang memusuhi Allah dan memusuhi wali-waliNya iaitu dari kalangan Malaikat, Rasul-rasulNya, Jibril dan Mikail maka dia kafir. Dalam ayat ini berlakunya *taqdim ta'khir* iaitu didahulukan para Malaikat (*malā'ikat*) ke atas para Rasul (*rusul*) sepertimana didahulukan Allah ke atas kesemuanya. Menurut al-Qāsimī (1957), didahulukan para Malaikat sebelum para Rasul atas sebab penerimaan wahyu para Rasul itu adalah melalui perantaraan malaikat Jibril. Allah menurunkan wahyu kepada para Rasul setelah wujudnya permusuhan orang kafir terhadap Rasul yang mana wahyu itu disampaikan melalui perantaraan malaikat Jibril. Oleh kerana penerimaan wahyu Rasul itu melalui perantaraan malaikat, maka dalam ayat ini Allah mendahulukan para Malaikat (*malā'ikat*) ke atas para Rasul (*rusul*). Ayat seterusnya pada firman Allah SWT (2:222):

إِنَّ اللَّهَ يُجِبُّ التَّوَابِينَ وَيُجِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ (222)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.

Dalam ayat ini, terkandungnya gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* pada kalimat (*tawwābīn*) iaitu orang-orang yang bertaubat dan kalimat (*mutaṭahhirīn*) iaitu orang-orang yang mensucikan diri. Allah mendahulukan kalimat (*tawwābīn*) sebelum kalimat (*mutaṭahhirīn*) adalah kerana dengan sebab taubat seseorang hamba itulah lahirnya kesucian dalam dirinya (Zarkashī, 1988). Oleh kerana taubat itu mendatangkan kesucian, maka didahulukan kalimat *tawwābīn* ke atas kalimat *mutaṭahhirīn* dalam ayat ini.

Kesimpulan

Setelah menjalani proses pembahasan gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* serta penganalisaan terhadap estetikanya, ia memberi kesedaran kepada umat islam bahawa betapa pentingnya untuk memahami makna serta penafsiran al-Qur'an secara mendalam. Hal ini kerana dapat mengelakkan daripada pemesongan dan salah faham terhadap kalam Allah. Untuk memahami isi kandungan al-Qur'an secara mendalam, seseorang itu haruslah mengetahui cara dan kaedah untuk mencapai tujuan tersebut. Sebagai seorang pentafsir al-Qur'an, wajib baginya memperolehi kefahaman terhadap kajian dan ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti nahu, sarf, balaghah dan juga ilmu-ilmu yang berkaitan seperti usul tafsir, usul fiqh dan qiraat supaya tidak tersasar dan terpesong penafsirannya ketika mentafsir al-Qur'an. Kajian gaya bahasa *taqdim* dan *ta'khir* merupakan salah satu ilmu dan kaedah untuk memahami dan mentafsir al-Qur'an. Dengan contoh yang telah dikemukakan menerusi kajian ini menunjukkan bahawa susunan kalimah dalam ayat al-Qur'an bukan sekadar susunan biasa akan tetapi setiap kalimah yang dinyatakan mempunyai rahsia dan tujuan tertentu berdasarkan situasi dan keadaan. Di samping itu, peranan-peranan yang telah dimainkan oleh gaya bahasa *taqdim* dan

ta'khir telah membuktikan kehebatan serta keindahan ayat al-Qur'an dan ia juga dapat membuktikan kemukjizatan al-Qur'an menerusi gaya bahasa.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim

Abd Karim Hafid. 2001. Taqdim dan Ta'khir dalam al-Qur'an: Pendekatan Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyyah. al-Jami'ah, 39. Retrieved from <http://digilib.uin-suka.ac.id/563/>

Abu Hayyan, Muhammad Yūsuf al-Shahīd. 1994. *Tafsīr al-Bahr al-Muhīt*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ahmad Fajar Shodiq. 2016. Taqdim dan Ta'khir dalam Kitab Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir Karya Ibn Ashur. *Jurnal PESAT*, 2(4). Retrieved from <https://docplayer.info/49227155-Taqdim-dan-ta-khīr-dalam-kitab-tafsir-al-tahrī-r-wa-al-tanwī-r-karya-ibnu-ashu-r.html>

al-Dubl, Muhammad Sa'ad. 2010. Dalil al-Balaghah al-Qur'aniyyah (Jilid 1). Retrieved from <https://www.alukah.net/library/0/37108/>

Fadl Hasan 'Abbas. 1991. *I'jaz al-Qur'an al-Karim*. Urdun: Dar al-Furqan.

al-Hashimī, al-Sayyid Ahmad. 1969. *Jawāhir al-Balāghah*. Beirut: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

Ibn Ashūr, Muhammad al-Ṭahīr. 1984. *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: Dar al-Tūnisiyyah.

Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fida' Isma'īl. 2000. *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*. Yaban: Muassasah Qurtubah.

al-Jurjāni, 'Abd al-Qahīr bin Abd Rahman. t.th. *Dalā'il al-I'jāz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Karmāni, Mahmūd bin Hamzah. (1988). *Gharā'ib al-Tafsīr wa 'Ajā'ib al-Ta'wil* (Jilid 1). Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah.

al-Masri, Munir Mahmud. 2005. *Dalalat al-Taqdim Wa al-Ta'khir fi al-Qur'an al-Karim: Dirasah Tahliliyyah*. Cetakan 1. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Nurdianto, Talqis. 2017. Mafhūm al-taqdim wa al-ta'khīr baina 'Abd al-Qāhir al-Jurjāni wa al-Sakākī. *Ulūm Islamiyyah* 19: 1-24.

al-Qāsimī, Muhammad Jamāl al-Dīn. 1957. *Mahāsin al-Ta'wil*.

al-Rāzī, Muhammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn. 1981. *Tafsīr Fakh al-Rāzī* (Jilid 1). Lubnan: Dar al-Fikr.

al-Samirrā'i, Faḍil Sālih. 2006. *al-Ta'bīr al-Qur'āni*. Cetakan 4. Oman: Dar 'Umār.

al-Samirrā'i, Faḍil Sālih. 2010. *Min Asrar al-Bayan al-Qur'ani*. Cetakan 2. Dar al-Fikr.

al-Zamakhshārī, Mahmūd bin 'Umar. 2009. *Tafsīr al-Kashshāf*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Zarkashī, Muḥammad bin 'Abd Allah. 1988. *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Jilid 3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Zulkifli Mohd. Yusof. t.th. *al-Taqdim wa al-ta'khīr pada kalimat Qur'aniyyah: Satu analisa dari sudut kesan pada makna ayat-ayat al-qur'an*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.